

Bimbang situasi seperti di India

Jangkitan sporadik semakin meruncing, mampu lumpuh perkhidmatan kesihatan negara

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penularan pandemik COVID-19 di Malaysia di bimbangi bakal menyerupai situasi seperti di India sekiranya tiada perubahan drastik terhadap kaedah saringan.

Kegusaran itu timbul susulan jangkitan sporadik yang dilihat semakin meruncing, sekali gus berupaya melumpuhkan sistem perkhidmatan kesihatan negara.

Pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata kaedah saringan bersasar yang diterapkan Kementerian Kesihatan (KKM) tidak berkesan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Katanya, ia berikutan banyak kes positif tidak bergejala dan gagal dikesan menerusi aktiviti saringan di lapangan berkeungkinan menyumbang kepada penularan sporadik atau jangkitan dalam masyarakat.

“Dalam bahasa mudahnya, kita terlepas pandang kes ‘jangkitan senyap’ sebegini kerana kae-

dah saringan semasa menggariskan beberapa kriteria, sebelum mana-mana individu dikehendaki melakukan ujian.

“Kaedah bersasar sebegini tidak lagi berkesan, sebaliknya kita kena lakukan saringan berskala besar, menggunakan kit ujian pantas (RTK) antigen bagi membendung penularan, khususnya jangkitan sporadik.

“Sekiranya tidak dilakukan, kita akan kekal terkebelakang kerana individu positif dan tidak bergejala menyebarkan virus dalam kalangan masyarakat tanpa disedari.

“Kita hanya akan sedar dan melakukan saringan untuk semua apabila kes sudah banyak serta membentuk kluster, tetapi ketika itu ia sudah di luar kawalan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dilaporkan berkata, kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan kes COVID-19 sepanjang tempoh 1 Januari hingga 25 April lalu didapati tiada kaitan epidemiologi atau tidak diketahui punca.

Jangkitan secara sporadik bagi tempoh berkenaan membabitkan 170,173 kes dan meliputi dua negeri serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang mencatatkan angka penularan tertinggi.

Laporan dari John Hopkins University sebelum ini turut menyaksikan kumulatif kes positif COVID-19 yang disahkan bagi setiap sejuta penduduk di Malaysia, melonjak secara tiba-tiba sekitar Oktober tahun lalu.

Berpunca daripada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah dan kebenaran merentas negeri, masing-masing pada 26 September serta 5 Disember 2020, Malaysia setakat 19 April lalu mengatasi India, Filipina, Indonesia, Thailand dan Kemboja berdasarkan analisis berkenaan.

Sazaly menyifatkan peningkatan menjangkau 4,900 peratus dalam tempoh kira-kira enam bulan sejak Oktober tahun lalu sangat menakutkan dan perlu ditangani menerusi kaedah pembendungan baharu.

“Tidak menghairankan sekiranya Filipina, Indonesia dan India mencatat angka tinggi jangkitan kerana jumlah penduduk mereka

ramai, tetapi Malaysia hanya ada 32.6 juta penduduk.

“Bagaimanapun, kes di Malaysia tinggi berbanding negara ini. Sebenarnya kita sudah berada dalam tahap penularan tidak terkawal.

“Gabungkan kaedah saringan menggunakan RTK antigen secara berulang iaitu pada hari pertama, ketiga dan ketujuh, sebelum disahkan menerusi pengesanan diagnostik di makmal bersandarkan Polimerase-Transkripsi Terbalik (RT-PCR).

“Kita bimbang masih banyak kes positif yang belum dikesan dan kadar kebolehjangkitan semasa iaitu 1.12 setakat semalam (kelmarin) berkemungkinan ti-

dak tepat, sebaliknya lebih tinggi,” katanya.

Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, pula berkata, laporan John Hopkins University menunjukkan penularan jangkitan berlaku secara ketara dalam kalangan komuniti.

Bagaimanapun, katanya, pengesanan kemungkinan jangkitan sporadik perlu dibuat menerusi kajian dari aspek fakta sejarah pendedahan dan terbabit dalam senarai pengesanan kontak atau tidak, selain corak kepatuhan prosedur operasi standard (SOP) untuk tempoh 14 hari sebelum jangkitan.



Ingkar SOP terutama di tempat sesak boleh menyebabkan jangkitan sporadik dan membentuk kluster baharu.

(Foto Aizuddin Saad /BH)